

KENYATAAN MEDIA
YAB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN
KETUA MENTERI SABAH
DI MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS
MAJLIS EKONOMI BUMIPUTERA (MEB) SABAH BIL.1/2018

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang Berhormat Menteri-Menteri,
Ahli-ahli Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) Sabah,
Yang Berbahagia Tan Sri, Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

1. Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana atas limpah kurniaNya, dapat kita bersama pada petang ini. Alhamdulillah, Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) Sabah hari ini membuka tirainya untuk tahun 2018 dengan Ahli-Ahli majlis membincangkan pelbagai agenda yang melibatkan Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera di Negeri Sabah. Sebentar tadi, saya dan Ahli majlis MEB Sabah telah di maklumkan mengenai perkembangan dan pencapaian terkini serta pelbagai inisiatif pembangunan Bumiputera Sabah yang akan saya umumkan sebentar nanti.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

2. **Pertama, saya ingin maklumkan bahawa secara keseluruhan, sejumlah RM169.96 juta di bawah program yang dikenali sebagai Dana Mudahcara telah diluluskan bagi 69 projek melibatkan 65 syarikat Bumiputera Sabah.** Projek-projek ini seterusnya, telah berjaya menjana nilai pelaburan swasta sebanyak RM1.25 bilion yang turut menyokong usaha merencanakan pembangunan ekonomi Negeri.

3. Pencapaian ini merangkumi pelbagai sektor dan dijangka akan **menjana lebih dari 3 ribu peluang pekerjaan baru di Sabah** dalam bidang pentadbiran dan pengurusan, elektrik dan kejuruteraan, juruteknik, pelancongan, kakitangan sokongan dan sebagainya. **Syabas saya ucapkan kepada syarikat-syarikat ini dan semoga ini menyuntik semangat usahawan Bumiputera Sabah yang lain.**
4. Sebentar nanti, **saya akan menyampaikan Dana Mudahcara ini kepada lapan lagi syarikat Bumiputera di Sabah yang telah menyempurnakan projek mereka.** Saya juga dengan sukacitanya akan menyampaikan surat kelulusan kepada sembilan lagi syarikat Bumiputera Sabah bagi projek yang baharu sahaja diluluskan melibatkan dana sebanyak **RM 38 juta.** Projek yang dijalankan oleh syarikat-syarikat ini melibatkan pelbagai pelaburan swasta dalam sektor pembangunan hartanah, pembinaan infrastruktur, tenaga & solar, pembuatan, pertanian, pembangunan berasaskan eco-tourism dan pelancongan
5. **Kedua,** susulan daripada kerjasama TERAJU dan Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) melalui program **Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) Sabah,** saya ingin maklumkan bahawa seramai **106 usahawan Bumiputera telah meraih manfaat** dari inisiatif ini sejak ia diperkenalkan pada tahun 2015. Pada majlis ini, seramai **38 usahawan Sabah bakal menerima suntikan dana di antara RM50 ribu sehingga RM100 ribu setiap seorang yang merupakan bantuan geran untuk tujuan pengembangan perniagaan mereka bagi membeli peralatan mesin dan meluaskan premis perniagaan mereka.** Pada masa yang sama, lima lagi usahawan Bumiputera Sabah hari ini bakal menerima dana DPUB berjumlah **RM500,000** menerusi Institut Keusahawanan Negara atau INSKEN untuk projek-projek menaiktaraf premis perniagaan mereka.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

6. **Ketiga,** menyedari akan kepentingan pembangunan kapasiti kepada golongan usahawan, **TERAJU telah memeterai perjanjian dengan**

Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA), yang akan berkerjasama dengan 4 badan NGO tempatan bagi memaksimumkan bantuan pembangunan usahawan Bumiputera Sabah. NGO-NGO tersebut adalah Dewan Perniagaan dan Industri Kadazan Dusun atau (KCCI); Persekutuan Industri Sabah (FSI); Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM- Sabah); dan Dewan Usahawan Bumiputera Sabah (DUBS). Antara inisiatif yang bakal dijalankan oleh badan-badan NGO ini meliputi program pensijilan dan akreditasi halal, pembangunan vendor untuk usahawan otomotif serta program pengukuhan sistem perakaunan.

7. **Keempat, TERAJU turut memeterai kerjasama dengan Yayasan Sabah bagi menaiktaraf Galeri Kraf** yang bertempat di Bangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah. **Kerja-kerja menaiktaraf ini melibatkan kos berjumlah RM2 juta dan apabila siap kelak, galeri ini akan mempamer produk kraftangan dan koleksi artisan terbaik dari Negeri Sabah.** Langkah ini juga seiring dengan usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan platform dan ruang niaga bagi mengetengahkan karya seni dan produk kraftangan tempatan. **Galeri Kraf ini dijangka menjadi antara salah satu tarikan pelancong baru di Bandaraya Kota Kinabalu.**

8. **Kelima, Yayasan Sabah juga telah memeterai kerjasama dengan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) untuk menyediakan latihan dan bantuan khusus kepada syarikat dan usahawan Bumiputera yang sedang meningkat naik (scaling up).** Bidang yang menjadi fokus latihan adalah inovasi produk, harta intelek, pembungkusan, penjenamaan dan kemahiran mengenai pasaran eksport.

Hadirin yang saya hormati,

9. **Keenam, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri peka kepada pelbagai cabaran yang dihadapi syarikat-syarikat pembinaan tempatan Bumiputera terutamanya dari segi memperolehi kemudahan pembiayaan dari institusi-institusi kewangan.**

10. Oleh yang demikian, **saya dengan sukacitanya mengumumkan Kemudahan Pembiayaan Kontraktor Projek Lebuhraya Pan Borneo khusus untuk kontraktor-kontraktor Bumiputera Sabah. Dana khas ini akan disediakan oleh RHB Islamic Bank Berhad dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank) untuk pembiayaan kontrak manakala kemudahan khas jaminan pinjaman akan disediakan oleh Credit Guarantee Corporation (CGC) dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP).**

11. Di bawah inisiatif ini, **kontraktor bumiputera Sabah yang layak, boleh menerima kemudahan pembiayaan dan jaminan kewangan bernilai RM500 juta** bagi menjalankan pakej-pakej kerja sub-kontrak di bawah projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah. Ini bakal membantu khususnya Kontraktor-kontraktor Kelas G1 hingga G4 Bumiputera. Saya difahamkan **lebih daripada 50 syarikat kontraktor Bumiputera Sabah akan meraih manfaat ini** dimana program ini **dapat membantu meningkatkan kelayakan atau “bankability”** syarikat-syarikat ini untuk mendapatkan fasiliti pembiayaan dari institusi kewangan yang telah dikenalpasti.

Hadirin yang dihormati,

12. **Ketujuh**, sebagai sebuah Negeri yang dirahmati dan terkenal seluruh dunia dengan kekayaan alam semulajadinya, Sabah berpotensi menjadi di antara destinasi pelancongan yang terkemuka di dunia. Salah satu industri yang telah dikenalpasti berpotensi besar dan sedang rancak dibangunkan ialah agro pelancongan. Ini sekaligus membuka peluang-peluang perniagaan yang lebih besar kepada usahawan-usahawan Bumiputera Sabah.

13. Di sini, saya dengan **sukacitanya mengumumkan bahawa mesyuarat MEB sebentar tadi telah sebulat suara meluluskan satu dana khas berjumlah RM100 juta bagi usahawan-usahawan Bumiputera memacu projek pelaburan berasaskan pertanian dan agro-pelancongan. Inisiatif ini merupakan satu kerjasama strategik di antara TERAJU dan Agrobank Berhad. Adalah menjadi harapan saya industri agro pelancongan Sabah akan**

menerajui dan menjadi "benchmark" atau penanda aras kepada pembangunan agro pelancongan Negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan, para hadirin yang saya hormati sekalian,

- 14.** Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kerana pendekatan kerjasama erat yang ditunjukkan oleh pihak yang terlibat seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah (UPEN), SEDIA, agensi-agensi Kerajaan Negeri bersama TERAJU dan Kerajaan Pusat telah membuahkan begitu banyak hasil yang proaktif dalam usaha memacu pelan tindakan dan pelaksanaan pelbagai inisiatif agenda Bumiputera. Saya berharap agar hubungan dan kerjasama erat ini terus dipelihara dan dimantapkan demi meneruskan usaha pemerkasaan, pembangunan dan kesejahteraan masyarakat Bumiputera di Negeri Sabah.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.